

Deskripsi Peranan Dua Ikon Membentuk Keperibadian Dan Hala Tuju Kehidupan Arena Wati Dalam Teks `Enda Gulingku`

*The Role Description Of Two Icons Who Formated The Characteristics Of Arena Wati
In The Text Of `Enda Gulingku`*

A.Halim Ali*
halim.ali@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Mardiah Mawar Kembaren
mawar282@gmail.com

Universitas Sumatra Utara, Medan, Indonesia.
DOI: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.1.3.2020>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mendeskripsi peranan dua ikon dalam menentukan hala tuju kehidupan Arena Wati dalam teks memoir berjudul `Enda Gulingku` (1991). Analisis ini adalah sebuah kajian kepustakaan. Data dari sumber utama dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan dideskripsikan menggunakan kaedah analisis deskriptif bersandar kepada konsep tanda *ikon* dalam teori Semiotik Charles Sander Pierce. Dua ikon yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah Abd Biang (ayah kepada Arena Wati) dan Halimah (isteri kepada Arena Wati). Hasil analisis dapat menunjukkan bahawa peranan dua ikon ini mempengaruhi dan membentuk sikap dan haluan kehidupan Arena Wati selama 61 tahun. Pengaruh hubungan kekeluargaan dan keyakinan diri adalah dua unsur ikonik atau kemiripan yang kuat mempengaruhi pembentukan sikap dan hala tujuan kehidupan Arena Wati. Analisis ini merumuskan, dua orang watak ini dapat dikatakan sebagai tanda ikonik yang dirujuk langsung pada fizikal diri dan keperibadian Arena Wati sesuai dengan makna dan peranan kemudi dalam teks `Enda Gulingku`.

Kata Kunci: Enda Gulingku; Kemudi; tanda ikon; Arena Wati

ABSTRACT

This study aims to descriptize the role of two icons in determining the direction of Arena Wati's life in the memoir text entitled `Enda Gulingku` (1991). This analysis is a library research. Data from the main sources were analyzed using content analysis methods and discussed using descriptive analysis based on the iconic concept in Semiotic theory by Charles Sander Pierce. The three icons identified are Abd Biang (Arena Wati's father) and Halimah (Arena Wati's wife). The results of the analysis showed that the role of two icons influenced and shaped the attitude and direction of Arena Wati's life for 61 years. The influence of family relations and self-confidence are two major elements that influence the formation of the attitude and direction of Arena Wati's life. This analysis concludes that these two characters beings can be regarded as iconic symbols that refer directly to the physical itself and their personality according to the meaning and role of steering in the text of 'Enda Gulingku`.

Keywords: Enda Gulingku; Steering; Signs; icon; Arena Wati

PENGENALAN

Sebuah memoir berjudul *Enda Gulingku* yang diterbitkan pada tahun 1991 boleh disifatkan sebagai sebuah penulisan yang besar bagi Sasterawan Negara (SN) Arena Wati. Karya ini merupakan sebuah hasil projek bagi memenuhi keperluan tugasnya sebagai Karyawan Tamu pada tahun 1988/89 di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, (kini dikenali dengan nama baharunya, ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (Arena Wati, 1991:11). Dalam erti kata lain, idea asal penulisan memoir ini tidak bertolak secara langsung dari sebuah keinginan yang bersungguh-sungguh dari diri Arena Wati sendiri pada awalnya, melainkan kerana sebuah keperluan yang tertuntut atas tugas dan juga permintaan pihak lain. Atas kapasiti itu, maka memoir ini ditulis dengan mengikut hala tuju yang direncanakan oleh majikan, meskipun pada akhirnya Arena Wati berusaha menjadikan memoir ini sebagai sebuah cermin masa silam hidupnya selama 61 tahun bermula pada 30 Julai 1925 hingga 15 Januari 1986 dengan perancangan kerja menulis yang diatur rapi, rangka penulisannya telah diatur pada 15 April 1988 dan dengan jadual serta rangka itulah maka pada 1 Julai 1988 bermulalah kerja menulis riwayat ini (Arena Wati 1991,13).

TEKS MEMOIR 'ENDA GULINGKU'

Seperti yang diakui Arena Wati, beliau berada dalam kerumitan untuk menentukan judul memoir ini. Sekalipun Arena Wati bersetuju dengan idea Ismail Hussein tentang bentuk karya ini, namun dari sudut naluri peribadi, Arena Wati mahu suatu karya yang dapat menampilkan kedekatannya dengan prototaip dan makna dalam hidupnya (Arena Wati 1991,11). Kerana itu, induk penceritaan memoir bertolak dari tradisi peradaban leluhur masyarakatnya yang dinamakan *Lolo Bayo*. Dari tradisi leluhur inilah, judul *Enda gulingku* ditemui (Arena Wati 1991,11).

Judul *Enda Gulingku* diambil daripada bahasa Makasar yang dalam bahasa Melayunya bermaksud 'jejak kemudiku'. Sebuah memoir yang tertulis seperti ini bagi Arena Wati merupakan suatu gambaran tentang dirinya sendiri. Melihat diri sendiri bererti melihat bahtera dalam pelayaran yang tidak tahu berhenti (Arena Wati 1991,759). Arena Wati menemui dirinya di sebalik ketekalan penyepaduan *sombalak-guling* yang memaknakan pelayaran sebuah bahtera. *Sombalak* tanpa *guling* bukan sahaja tidak akan dapat menuju kepada haluan yang dikehendaki, tapi juga akan menyebabkan bahtera akan tenggelam (Arena Wati 1991,759).

Dalam menimbang diri, Arena Wati dirangsang oleh kesepaduan jalinan hubungan *sombalak* dengan *guling*. *Sombalak* dengan *guling* (Layar dengan kemudi) adalah hayat pelayaran yang menampung kehidupan dan perjalanan bahtera dirinya. Kerana itu, Arena Wati dengan sedar mengumpamakan dirinya sebagai sebuah bahtera yang dikemudikan pengalaman dan harapan sehingga beliau benar-benar disedarkan pada arah tujuhnya setelah 61 tahun menempuh kehidupan.

Susunan memoir ini dibahagikan kepada empat bahagian. Setiap bahagian mengandungi tiga bab. Terdapat subtopik atau disebut Arena Wati sebagai episod pada setiap bab. Pembahagian bab dilakukan dengan jelas bagi menunjukkan secara spesifik jenis peristiwa, pengalaman dan keadaan sesuatu tempat yang dikunjungi oleh Arena Wati. Susunan bab juga dapat memberi gambaran kronologi memoir ini secara teratur. Secara umum, kandungan memoir ini dapat diringkaskan seperti Jadual 1;

Jadual 1. *Susunan Bab Peristiwa Dalam memoir `Enda Gulingku`*

BAHAGIAN	BAB	ISI PENTING
I.Tempat: Makasar	1. Warna-warna sayap hidupku 1925-1941	- Latar belakang diri, keluarga - Adat dan budaya masyarakat
	2. Perang Dunia Kedua Januari 1942-Ogos 1945	- Pengalaman di samudera - Bahan dan tempas peperangan
	3. Dalam kanchah Revolusi Ogos 1945-Jun 1954	- Bahan perang dunia kedua - Pengalaman berhadapan dengan tentera Belanda - Pergolakan dalaman - menimba ilmu di sekolah - Perkahwinan
II.Semenanjung (Johor, Kuala Lumpur), Singapura, Brunei	4. Pulang ke Malaya, Jun – Okt 1954	- Kehidupan baharu di Pontian, Johor - Kehidupan di Singapura
	5. Perjuangan melalui sastera Okt 1954-Sept 1962	- Penglibatan dalam dunia kewartawanan di Royal Press - Dunia pelayaran baharu (sastera dan kewartawanan) - Penglibatan dalam perkembangan bahasa dan sastera Melayu
	6. Pengarang Pustaka Antara, Sept 1962-Feb 1974	- Kemajuan diri dalam dunia penerbitan - Penglibatan dalam dunia sastera Malaysia
III.Semenanjung Sabah, Amerika	7. Dari swasta ke kerajaan, Feb 1974-Jan 1984	- Pengalaman sebagai pentadbir dalam agensi kerajaan - Pengalaman dalam politik Sabah
	8. Royan Malaysia yang tidak pernah sembuh di Sabah, Apr 1976-Jun 1983	- Keterlibatan dalam politik Malaysia di Sabah - Keterlibatan dalam dunia persuratkhabaran di Sabah
	9. Inilah Amerika, Julai 1983-Jan 1984	- Pengalaman di Amerika Syarikat - Pensyarah Pelawat di Cornell University
IV. Belanda, England Jerman, Perancis, Jepun, Semenanjung, Sabah	10. Menjelajah Eropah, Feb-Jun 1984	- Pengkajian khazanah Melayu di luar negara
	11. Menjelajah Negeri Jepun, Julai 1984-Jan 1985.	- Tugas di Sabah - Pengkajian tentang Dai Nihon, sejarah politik dan kesusasteraan moden Jepun.
	12. Yang mengenang budi, Feb 1985- Jan 1986	- Kembali ke Sabah - Anugerah SEA Write Award - Kelahiran karya Trilogi - Kembali ke Semenanjung

Karya ini tergolong dalam jenis memoir. Memoir ialah karya biografi yang berasaskan kenang-kenangan seseorang yang berkaitan dengan, pengalaman dan peristiwa dalam hidupnya (*Kamus Dewan* 2005: 1016). Sebagai sebuah memoir, karya ini sarat dengan fakta, peristiwa, tempat, tokoh-tokoh terlibat, masa, latar dan kepentingan peristiwa sejarah kepada kehidupan penulis itu sendiri. Meskipun kaya dengan unsur sejarah, Arena Wati berusaha menjadikan gaya penceritaan tidak terlalu kaku, sebaliknya dilenturkan dengan teknik dialog, imbas kembali dan suspen. Membaca sebuah memoir ini bererti membaca catatan kenangan dan memeriksa segala gerak geri dan perlakuan Arena Wati dengan telus dan baharulah selepas itu memoir dan diri Arena Wati sendiri dapat diberi penilaian. Memoir setebal 1000 halaman ini diulang cetak buat kali kedua pada 2010. Buku unggul ini juga menerima Hadiah Buku Kebangsaan 1992 kerana mutu kecemerlangannya (Mohamad Salleh Sulieman & Saadah Jaffar 2015: 24).

METODOLOGI

Analisis ini adalah sebuah kajian kepustakaan. Data dari sumber utama dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan dibincang menggunakan kaedah analisis deskriptif bersandar tanda ikon dalam teori Semiotik Charles Sander Peirce. Asas utama teori Semiotik Peirce ialah `... the human mind and sign boundaries, the three-dimensional or triadic/trichotomy system`. Peirce classifies sign into three aspects, namely i) sign or representatum or ground, ii) object which is also referred to as referent, and iii) interpretant (Halina Sendera Mohd. Yakin & Andreas Totu, 2014:7). Tiga dimensi aspek ini berkait pula dengan tiga tipologi atau taksonomi tanda yang disebut sebagai *ikon*, *indeks* dan *simbol*.

Representamen berfungsi sebagai tanda yang bagi seseorang mewakili sesuatu (yang lain) dalam kaitan tertentu. Interpretan, pula merujuk pada makna dari tanda dan objek merupakan sesuatu yang dirujuk oleh representamen (tanda). Apabila ketiga-tiga elemen makna itu berinteraksi dalam minda seseorang, maka muncullah makna tentang sesuatu yang diwakili oleh tanda tersebut. Tiga dimensi semiotik yang diperjelaskan oleh Peirce ini menjadi asas signifikasi pembentukan makna secara *triadic*. Peirce percaya bahawa tanda-tanda berkaitan dengan objek-objek yang menyerupainya, keberadaannya memiliki hubungan sebab akibat dengan tanda-tanda atau kerana ikatan konvensional dengan tanda-tanda tersebut (Terry Eagleton 1993,111).

Dalam teori Semiotik Peirce, *ikon* adalah salah satu jenis tanda yang merujuk kepada tanda dalam bentuk fizikal yang sangat menyerupai dan sesuai dengan sesuatu yang dirujuk. Crystal (2008) menyebutkan `icon are semiotic systems that refer to signs with a physical form that closely resembles the characteristics of the situation to which they refer`. Jelasnya, ikon adalah sejenis tanda yang dirujuk bahawa ikon adalah hubungan antara tanda dan objeknya atau acuan yang bersifat kemiripan (Sobur, 2004). Arif Mohamad (2015) pula menyebutkan `Ikon merujuk kepada tanda-tanda yang menjadi bayang, yang mirip mahupun yang menyerupai sesuatu benda atau perkara.

Analisis ini menggunakan tanda *ikon* sebagai landasan untuk memperinci dan memahami peranan watak-watak yang hadir sebagai *ikon* kehidupan Arena Wati berdasar teks Memoir *Enda Gulingku*. Tanda *ikon* dipilih, kerana data yang dianalisis menunjukkan kecenderungan kehidupan watak Arena Wati dibentuk dan dipandu oleh beberapa orang watak penting yang menjadi ikon pada dirinya. Pada watak-watak ini, sorotan dilakukan bagi mengenalpasti ciri ikonik yang sejajar atau serupa di antara watak Arena Wati dengan watak-watak yang dirujuk.

ANALISIS DAN PEREBINCANGAN

DESKRIPSI PERANAN IKON

Enda Gulingku adalah samudera sejarah Arena Wati. Namun begitu, perlu diakui bahawa dalam memperihalkan sejarah dirinya sendiri, sering kali yang timbul adalah sejarah orang lain, sejarah masyarakat lain yang boleh dikatakan tidak ada kena mengena dengan *epetime* Arena Wati sendiri. Tidak ada siapa boleh menjangkakan bahawa Arena Wati anak nahkoda terkenal di samudera yang gah dengan Sorga Bone, gah dengan Lolo Bayo bertukar haluan hidup menjadi manusia sastera. *Bering* Kompas hidupnya berpusing 360 darjah. Malah dari sudut fizikalnya, Arena Wati telah menyongsang arah angin Makasar sehingga terdampar di Tanah Melayu, khususnya di Johor dan Singapura. Pada dua tempat itulah sauh diri Arena Wati berlabuh dan memungut, membina dan mengembangkan muatan fikiran pada kertas dan tinta.

Menyoroti ruang perjalanan hidup Arena Wati dalam *Enda Gulingku* maka tidak ada yang lebih besar peranan yang berjaya mengubah haluan bahtera hidup Arena Wati di Makasar melainkan tiga orang manusia yang pernah hadir dalam hidupnya iaitu Abd Biang, ayahnya, Halimah Sulong, isterinya dan diri Arena Wati sendiri. Dua orang manusia ini bukan setakat manusia yang dilahirkan untuk menjadi ayah dan isteri Arena Wati, tetapi mereka adalah kemudi

takdir yang telah memungkinkan haluan hidup Arena Wati bergerak dalam arus yang samudera` yang berbeza. Di sinilah letaknya peranan kemudi (guling) yang melengkapkan sebuah penceritaan besar dalam memoir *Enda Gulingku* ini. Mereka inilah juga sebenarnya ikon utama yang mengemudi bahtera kehidupan Arena Wati selama 61 tahun.

IKON UTAMA: ABD BIANG (AYAH ARENA WATI)

Ayahnya Abd Biang merupakan induk guling yang pertama menentukan arah tuju perjalanan kehidupan Arena Wati di Makasar. Abd Biang merupakan seorang nahkoda yang mempunyai pengetahuan luas tentang dunia pelayaran. Abd Biang mendalami ilmu dan hukum pelayaran dari sumber *I Lolobayo* (Arena Wati 1991, 23). Secara tradisi, Abd Biang telah mengasuh Arena Wati dengan ilmu perdagangan dan pelayaran sejak Arena Wati masih kecil. Sebelum lulus darjah tiga, Arena Wati sudah mahir menggunakan sampoa dan diasuh menjadi jurutulis menimbang barang muatan perahu. Abd Biang menetapkan garis awal pengemudian hidup Arena Wati dengan sebuah pesan:

”kau anak laki-laki. Anak laki-laki mesti menentang pemerintah yang tidak adil. Penjahat itu tak adil dan mesti dihapuskan. Satu cara mendapat wang untuk membelanjai perjuangan ialah belayar dan jadi saudagar”

(Arena Wati 1991, 23-25)

Abd Biang sering membawa Arena Wati dalam pelayaran bagi pelajaran jarak dekat sewaktu Arena Wati berusia lima tahun. Abd Biang mengajarkan tentang ilmu bintang, mengenali musimnya dan tempat letaknya di langit. Abd Biang juga mengajar ilmu tentang laut, cara mengenal aras laut, pengaruh arus dan angin pada ombak di lautan, mengenal semua jenis angin, jenis awan yang membawa hujan. Selain itu, Abd Biang juga mengajar ilmu tentang peralatan perahu, jenis dan cara membuatnya. Ketelitian Abd Biang menerapkan kemahiran nahkoda dapat dilihat pada setiap tindakan dan perkataannya pada Arena Wati.

Abd Biang tahu membezakan yang mana ilmu pelayaran dan yang mana bukan ilmu. Dalam hal memanjat, Abd Biang mengajar Arena Wati memanjat tiang dalam angin taufan dan gelombang besar (Arena Wati 1991, 29), tetapi amat menegah anaknya itu sekiranya memanjat pokok mangga yang banyak terdapat dalam kebunnya. Abd Biang pernah berpesan kepada Arena Wati dengan katanya:

Nanti sebagai nahkoda, kau mesti tahu dan mesti boleh buat segala-galanya di lautan. Tapi di darat, bukan kerjamu memanjat jenis pohon apa pun. Itu kerja parewa, tugas juak-juak.”

(Arena Wati 1991, 30).

Demikian juga dalam hal memilih permainan untuk Arena Wati, Abd Biang amat teliti memilihnya supaya kemahiran yang akan diterapkan dalam bakat anaknya tidak sia-sia. Arena Wati menceritakan:

”Bapa saudara saya Jirong, tukang kayu dan pengukir kayu yang mahir dan dia selalu membuat mainan untuk saya, termasuk seruling dan kecapi. Tetapi ayah meletakkan 100 peratus pantang pada diri saya daripada semua jenis permainan alat muzik. Permainan yang dibenarkan saya bermain iaitu hadiah dari Jirong hanyalah panah dan perahu kecil yang lengkap dengan layarnya untuk saya layarkan di tepi pantai sambil berenang mendapatnya.” itu latihan untuk laki-laki”. Kata ayah.

(Arena Wati 1991, 30)

Jelasnya, Abd Biang benar-benar mahu supaya anaknya Arena Wati mewarisi kepandaian dan kebolehannya mengharung samudera. Menjadi pelaut yang berani, kuat dan tidak gentar pada gelombang. Abd Biang menacak kayu kemudi pada jantung anaknya dengan menceritakan keazaman Abdul Fatah (ayahnya) sebelum meninggal yang meletakkan batu tanda buat cucunya (Arena Wati) sebagai manusia yang menguasai lautan dan daratan. Abdul Fatah (datuk Arena Wati) menyatakan:

"lihat semua," kata Fatah dan menunjukkan tanda hitam yang lebar di bawah susu kanan saya. "Tahu tanda ini?" dan dia mengangkat saya.

"Dia akan menjadi pengganti Fatah, Raja Laut Raja Darat, sahabatnya taufan samudera."

(Arena Wati 1991, 45)

Dengan mengimbuai kata-kata ayahnya (Abdul Fatah), Abd Biang mahu anaknya Arena Wati sedar akan batu tanda yang telah diletakkan pada bahu anaknya itu. Itulah tradisi yang semestinya diwarisi oleh anaknya sebagaimana Abd Biang mewarisi kepandaian itu daripada Abdul Fatah, ayahnya sebelum itu.

Dengan ilmu ini, Arena Wati berada dalam keadaan cukup sedia menempuh suasana pelayaran di lautan. Naluri ingin belajar di lautan menampakkan riaknya, tatkala Abd Biang tidak belajar lantaran angkara Jepun yang merampas barangan muatan. Arena Wati pergi ke Palengu menaiki perahu *Bintang Suasa*. Tetapi sekali belajar sudah berhenti. Kemudian Arena Wati pergi pula ke Palima wilayah Bone dan dari situ Arena Wati membawa muatan beras ke Ujung Padang. Selepas itu, Arena Wati dapat pula belajar dengan perahu *Sorga Bone*.

Ilmu pelayaran yang diajar Abd Biang sangat berguna kepada Arena Wati kerana pada usia remaja Arena Wati telah diangkat menjadi nahkoda Skuner iaitu ketika berusia 17 tahun 6 bulan. Menurut Sohaimi Abdul Aziz (2014) skuner ini ialah perahu atau kapal layar yang besar yang menggunakan layar di depan dan di belakang yang dipasang pada dua atau lebih tiang. Arena Wati mengepalai pelayaran dengan dibantu seramai 21 orang yang lain yang terdiri daripada jurumudi, jurubatu dan kelasi. Dalam usia muda itu Arena Wati telah mengetuai pelayaran ke merata tempat. Terdapat 40 skuner yang pernah dipaksa pindah dari pengkalan di Pulau Jawa ke Singapura. Dalam empat pula buah skuner itu, Arena Wati satu-satu nahkoda skuner yang termuda.

Pengalaman pertama belajar jauh dari Makasar ke Pulau Jawa memberi makna yang besar pada kehidupan yang dilalui Arena Wati, kerana kehidupan sebagai pelayar di lautan mengisi segenap ruang ruang hidupnya selepas itu dengan pengalaman-pengalaman besar yang banyak membentuk jiwa, perasaan dan pandangan hidupnya selepas itu.

Langkah Arena Wati sudah melewati tanah Makasar. Dunia pelayaran telah membawa Arena Wati kepada dunia luar menimba pengalaman baharu baik yang mencabar atau yang membina minda. Tanpa ilmu yang dibekalkan oleh Abd Biang, langkah Arena Wati tidak mungkin sejauh itu merentas lautan.

Abd Biang juga menetapkan buat Arena Wati kemestian menuntut ilmu. Dalam konteks menentang penjajah, Abd Biang inginkan anaknya Arena Wati mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup. Malah, Abd Biang telah melebihkan Arena Wati dalam hal menuntut ilmu berbanding anak-anak saudaranya. Suatu ketika Abd Biang pernah menyatakan kepada Arena Wati, "lihat sendiri semua sepupumu tidak ada yang meneruskan pelajarannya. Tapi kamu mesti." Abd Biang mahu Arena Wati menuntut ilmu bukan setakat di Makasar atau di Jawa, tetapi jauh di negeri Belanda itu sendiri.

Dalam fasa awal menuntut ilmu dalam tahun tiga, Arena sudah berkenalan dengan beberapa buah novel seperti *Salah Asuhan* dan *Melati van Agam*. Cerita-cerita dalam novel-novel ini benar-benar menyentuh jiwa Arena Wati. Cerita-cerita ini telah memperkayakan perbendaharaan bahasa Melayu Arena Wati. Namun, kecenderungan kepada buku masih tidak

menampakkan bunga-bunga kreatifnya. Menuntut ilmu adalah keperluan yang amat dituntut oleh Abd Biang. Dengan ilmu itu, Abd Biang mahu anaknya menjadi penyumbang kepada perjuangan menentang Belanda. Suatu hari, Abd Biang pernah menyatakan hal ini kepada Arena Wati, “melawan penjajah perlu ilmu. Perlu wang. Antaranya ilmu hukum” kata ayah.

Ketika berusia 16 tahun, pada bulan Mei 1941, Arena Wati diterima memasuki Hollandsche Inlandersche School (HIS) iaitu sekolah rendah Belanda untuk bumiputera. Kemasukan ke sekolah itu juga adalah dengan susah payah ayah beliau. Walau bagaimanapun, malapetaka menimpa tatkala berlaku perang dunia kedua. Kegigihan Abd Biang berusaha untuk menyekolahkan Arena Wati telah menjadi pengetahuan ramai saudara maranya.

Setelah menetapkan garis awal, Abd Biang juga mengajar Arena Wati al-Quran sehingga khatam. Abd Biang mewarisi kepandaian keturunan ahli keluarga dalam bidang agama. Datuk Arena Wati sebelah ibu bernama Abdul Rahman merupakan seorang imam. Bapa saudaranya sebelah ibu juga seorang imam dan daripada empat orang adik beradik lelaki, tiga orang daripadanya merupakan guru al-Quran.

Sebagai *guling* kepada anaknya, hubungan Abd Biang dengan anaknya Arena Wati terjalin dalam gelombang naluri manusiawi yang amat dalam. Gerak naluri menghubungkan dua jiwa dengan jiwa Abd Biang sebagai induk gulingnya. Inilah keajaiban dua hubungan jiwa manusia ayah yang bernama Abd Biang dengan anaknya. Perkara ini dapat ditelusuri daripada peristiwa pergolakan Sulawesi.

Akibat pergolakan di Sulawesi, ibu Arena Wati tersangat kkuatir tentang keselamatannya. Malah, akibat daripada kegawatan perang itu, Arena Wati dikatakan telah mati. Ibunya menangis sehingga matanya menjadi rabun. Namun, Abd Biang yang berdiri sebagai guling bahtera hidup anaknya tidak terpengaruh dengan khabar-khabar angin tentang kematian anaknya. Naluri insaniah `ayah-anak` meletakkan Abd Biang dalam keadaan teguh dengan pandangan mata hatinya. Inilah kekuatan Abd Biang sebagai induk guling anaknya. Arena Wati menyatakan;

Hanya ayah yang tetap tenang. Fikirannya tidak pernah terganggu oleh berita begitu. Ini selalu dibuktikannya bahawa puteranya masih hidup, kalau ada surat saya datang kepadanya, sering tanpa nama pengirimnya-selama zaman revolusi. Pada akhir surat-surat saya selalu dibubuh kata-kata termionologi yang ringkas dari I Lolo Bayo, sebagai mana yang diajarkannya kepada saya dahulu. Ini hubungan batin di antara anak dan ayah.

(Arena Wati 1991, 87)

Tanpa disedari Arena Wati, jiwanya tidak dapat dipisahkan daripada pusran hubungan jiwa dengan ayahnya. Tatkala Indonesia sudah merdeka, Arena Wati berasa rindu terhadap keluarga. Rasukan rindu ini pada Arena Wati merupakan panggilan ayahnya. Ke mana lagi tempat bahtera mencari mula, tatkala haluan menjadi tidak menentu dan patah diterjan angin, melainkan kembali menilik kemudi dan berpaut di situ sekuat hati.

Abd Biang ialah ayah dan latar pembentuk keperibadian Arena Wati, kemudi yang memeta pelayaran hidup, menyongsong gerak mula bahtera kehidupan seorang anak yang dikasihi. Abd Biang kental berdiri mamapas angin, menjinak gelombang dan mengebor nilai dengan memberikan anaknya ilmu, mewariskan kepandaian, membentuk akhlak dengan ajaran agama dan adat. Dia adalah latar *enda* di mana guling sombalak hidup Arena Wati meluncur laju.

Menghalusi peranan Abd Biang yang dideskripsikan di atas, tergambar rupa raut wajah, fizikal, ilmu, kemahiran, sikap dan prinsip hidup yang ada pada dirinya benar-benar memancarkan imej keperibadian yang sama pada diri dan perwatakan Arena Wati. Dalam hal ini, Abd Biang adalah tanda ikon yang dirujukdan kelihatan menyerupai ciri-ciri yang ada pada diri Arena Wati.

IKON SEKUNDER: HALIMAH SULONG, ISTERI ARENA WATI

Halimah merupakan manusia penting dalam hidup Arena Wati, meskipun Arena Wati kurang memperlihatkan dalam penceritaannya tentang istimewanya Halimah dalam *Enda Gulingku*. Tidak ditemui pemerihalan yang bersifat romantis, gelora cinta dan kasih sayang yang mendalam, rindu-rinduan di antara mereka. Malah sewaktu bertemu Halimah buat pertama kali di pelabuhan Makasar, Arena Wati tidak sedikit pun menggambarkan keresahan hati dan nikmat cinta pandang pertamanya. Jiwa lelaki pelaut yang dikasar angin dan dilambung gelombang, hatinya keras dan mata tidak banyak menyimpang bahasa kalbu.

Hubungan mereka tidak pernah didahului dengan cumbu rayu dan episod-episod cinta remaja. Dalam surat-surat Halimah kepada Arena Wati tidak pernah disinggung perasaan cinta dan cumbu rayu. Menurut Arena Wati, kandungan suratnya biasa sahaja dan kalau ada menyentuh hal-hal peribadi hanya nasihat supaya menjaga kesihatan (Arena Wati 1991, 229). Arena Wati menuliskan;

Ada baiknya saya beri keterangan yang lebih khusus tentang hubungan saya dengan Halimah dan bagaimana saya menghadapi keluarga dalam hal ini. Dalam hubungan surat menyurat kami, sebenarnya tidak rayuan cinta, tidak ada cumbu rayu. Surat-surat kami pada umumnya berisi pandangan hidup masing-masing, keinginan masa depan masing-masing, dan tentu sahaja sebagai anak muda ketika itu, terutama Halimah sendiri, di tengah-tengah masyarakat Melayu di Malaya yang sedang bergolak dengan cita-cita kemerdekaan, banyak mengungkapkan hal-hal perjuangan bangsa Melayu di Malaya.”

(Arena Wati 1991:223).

Halimah dikenali Arena Wati menerusi majalah *Hiboran* no.87 yang diterbitkan pada 16 April 1949. Majalah ini menyiarkan gambar Halimah sebagai perempuan berusia 18 tahun, seorang pelajar di *Malay Girls School* Pontian Kecil, Johor yang berminat untuk mengembara. Daripada berita itulah, Arena Wati menulis surat kepada Halimah pada 25 April 1949 berpandukan alamat yang tertera di dada majalah. Tidak diceritakan apakah punca dan sebab yang mendorong keinginan Arena Wati menulis surat kepada Halimah ketika itu. Walhal, Arena Wati bukanlah seorang lelaki yang mudah terdorong hati pada perempuan. Namun, wanita yang tidak dikenali itu telah menjadi sahabat penanya, sekalipun, tidak jelas atas dasar apa perlunya mereka itu berutus-utus surat.

Sewaktu berada di Jakarta, beliau menulis sepucuk surat lagi kepada Halimah. Sewaktu berada di Makasar, Arena Wati menerima surat-surat yang dibalas oleh Halimah. Surat-surat Halimah telah diketahui oleh ibunya. Kerana itu, ibunya segera mahu menunangkan Arena Wati dengan sepupunya.

Halimah tidak pernah dikenali. Tidak diketahui latar belakang keluarga dan kehidupannya. Hanya melalui surat. Namun, surat-surat berutusan di antara kedua-duanya telah memberi bayangan sesuatu yang melekat dalam keyakinan Arena Wati terhadap seseorang perempuan. Kerana itu juga, naluri kecintaan tidak pernah menjadi persoalan hidupnya sekalipun sudah berkenalan dengan 16 orang perempuan sebelum itu.

Perkahwinan dengan Halimah berlangsung pada hari Khamis 17 Ramadhan 1373 Hijrah bersamaan 20 Mei 1954 di Makasar, iaitu setelah 11 hari Halimah tiba di sana. Arena Wati mempunyai jawapan sendiri mengapa beliau mengahwini Halimah, kerana dari segi adat, tentu Arena tidak wajar menolak kehendak ibu yang beria-ia mahu mengahwinkannya dengan sepupu dan juga kaum keluarga terdekat, malah ada dalam kalangan sepupu-sepupunya itu amat cantik rupa parasnya. Dalam hal ini Arena Wati menjelaskan;

Saya akui dalam hati, bahawa ramai di antara mereka memang cantik. Tetapi untuk hari depan saya, hati saya tidak melekat pada mereka. Kemudian saya cuba membandingkan dengan Halimah. Memang tidak cantik. Tetapi dalam surat-suratnya ada terbayang suatu keindahan hidup, juga kecantikan impian hari depan saya. Hati saya berdetak ketika menilik-nilik Halimah.

(Arena Wati 1991, 226)

Dari awal pertemuan dengan Halimah sehingga kepada membuat keputusan untuk menikahinya, Arena Wati tidak pernah sedar, bahawa `kuasa` Halimah yang bakal mengambil tempat Abd Biang, ayahnya sebagai kemudi hidupnya kemudian hari. Sebagaimana Abd Biang, Halimah juga telah menentukan garis awal pengemudian dengan menyanggupi menjadi isteri Arena Wati dengan syarat bahawa mas kahwin itu ialah bakti daripada Arena Wati kepada perjuangan bangsa Melayu.

Sebagai seorang gadis Melayu yang hidup dalam lingkungan adat dan tradisi, pemergian Halimah ke Makasar seorang diri untuk bertemu seorang lelaki yang belum lagi dikenalnya merupakan sesuatu di luar biasa. Namun, itulah kehebatan Halimah yang bergerak atas kemahuan diri dan minat mengembara menjadi pendorong kepada dirinya untuk sampai ke Makasar, demi seorang lelaki. Itulah kehebatan Halimah dan dengan takdir Allah, Halimah berjaya berkahwin dengan Arena Wati dan membawa balik ke Pontian Kecil. Hal ini menjadi buah mulut masyarakat Pontian Kecil yang disifatkan Arena Wati sebagai tertutup dan fanatik. Halimah dikatakan bukan sahaja berkahwin dengan orang negara lain, tetapi begitu berani ke negara orang mengambil dan membawa pulang suami (Arena Wati 1991, 258).

Sebagai seorang perempuan yang berpendidikan, fikiran dan tindakan Halimah dilihat sebagai jarang berlaku. Jika mahu, Halimah tentu boleh sahaja berkahwin dengan mana-mana lelaki di Johor. Namun, demikianlah kehebatan Halimah. Tindakannya itu menjadi batu tanda pertama bahtera hidup anak muda bernama Arena Wati bakal berubah haluannya, bakal berubah tradisi hidupnya. Halimah berjaya dan mampu mengemudikan Arena Wati sejauh Makasar ke Pontian Johor, dengan tidak banyak halangan. Inilah, *turning point* yang tidak diperhitungkan oleh Arena Wati sebagai faktor terpenting yang mempengaruhi dan mencorakkan keseluruhan denyut nadi kehidupannya sehingga ke hujung hayat.

Tindakan Halimah seterusnya ialah meletak jawatan sebagai guru di Pontian. Tindakan ini telah menimbulkan kemarahan Tuan Syed Nasir Ismail, Nazir Sekolah-Sekolah Melayu ketika itu. Tujuan Halimah sangat murni, kerana ingin mengikuti suami ke Singapura dan bercadang untuk menjadi guru di sana. Meskipun sedar tentang peluang yang terpaksa dilepaskan, Halimah bukanlah seorang isteri yang berkira, apatah lagi kiranya persoalan masa depan dan kehidupan melibatkan suaminya sendiri.

Pengorbanan Halimah seumpama menarik sauh perahu bagi membolehkan perjalanan seterusnya berlangsung. Tindakan Halimah seumpama menyongsong kemudi pada buritan perahu agar perahu dapat bergerak ke haluan dengan sempurna. Di Singapura adalah medan pelayaran baharu yang akan ditempuh Arena Wati. Meskipun sudah biasa dengan Singapura, ramai kenalan dan mempunyai keluarga angkat, namun, kehidupan kali ini jauh berbeza berbanding sebelumnya. Kali ini Arena Wati adalah seorang suami, bukan lagi nahkoda yang mengepalai pelayaran. Kehadiran Halimah mengubah haluan bahtera Arena Wati dari belajar di samudera kepada belayar dalam samudera sastera.

Halimah adalah informan terdekat Arena Wati. Daripada Halimah, Arena Wati mendapat maklumat tentang kelompok-kelompok sasterawan di Singapura. Halimah menyediakan peta pelayaran kepada Arena Wati agar mudah bergerak dalam medan kesusasteraan dan persuratkhbaran di Singapura. Halimahlah yang menceritakan sengketa dua kelompok sasterawan Melayu yang menyokong konsep seni untuk seni dan seni untuk masyarakat. Halimah jugalah yang menceritakan kepada Arena Wati perbalahan dalam kalangan ahli ASAS 50

berkenaan novel *Atheis*. Halimah jugalah yang menunjuk arah bagi Arena Wati dapat mengimbang diri dalam persengketaan dua kelompok sasterawan itu.

Halimah seorang isteri yang sangat perihatin terhadap kesihatan suami. Beliau akan marah sekiranya Arena Wati pulang kerja terlalu jauh malam. Pada satu kejadian, Arena Wati ditimpa hujan dalam perjalanan pulang. Halimah masih menunggu di balik pintu. Melihat Arena Wati yang kekusyupan, Halimah segera melucutkan pakaian dan memandikan Arena Wati dan mengajaknya makan, sekalipun waktu sudah menunjukkan jam 3.00 pagi (Arena Wati 1991, 324).

Halimah juga perihatin dengan kelangsungan hidup mereka. Halimah pernah pergi ke pajak gadai untuk menyambung keperluan hidup mereka berdua (ms:287). Tanpa kesediaan dan pengorbanan ini, Halimah tentunya tidak memberi apa-apa kesan terhadap arus perjalanan Arena Wati dalam dunia baharu mereka.

Arena Wati menyedari bahawa Halimah merupakan manusia yang memainkan peranan amat penting dalam penentuan masa depannya. Kerana itu pada detik 25 Oktober 1954, iaitu detik pertama Arena Wati bertugas di majalah *Hiboran*. Detik itu jugalah merupakan detik yang dianggap Arena Wati sebagai detik baharu peralihan haluan kerjayanya daripada melayari bahtera di lautan kepada melayari bahtera dalam dunia kepengarangan. Detik itu juga menjelang hari kelahiran Halimah. Demi memikirkan bahawa Halimah merupakan manusia yang bertanggungjawab membawa Arena Wati ke dunia baharu itu, Arena Wati telah menghadihkan diri dan dunia baharunya itu sebagai hadiah hari jadi Halimah. Hadiah ini merupakan suatu pernyataan terima kasih yang tidak terhingga kepada Halimah atas jasanya 'mengemudikan' bahtera hidup Arena Wati kepada dunia kerjaya yang baharu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan deskripsi peranan dua ikon yang melibatkan Abd Biang (ayah Arena Wati) dan Halimah (isteri Arena Wati) dapat dikelaskan dua ikon tersebut kepada dua iaitu ikon utama merujuk secara langsung kepada Abd Biang dan ikon sekunder merujuk kepada Halimah.

Abd. Biang dilihat memainkan peranan paling utama menentukan perwatakan, sikap dan hala tujuan kehidupan Arena Wati. Pada diri Abd Biang tergambar hampir keseluruhan perwatakan Arena Wati iaitu seorang anak jati Makasar, berbadan sasa, pelaut, nahkoda, mengemudi kapal, memimpin awak-awak kapal dan menguruskan dagangan. Abd. Biang dalam posisi fizikal dan keperibadiannya telah memantulkan imej seorang manusia yang hampir sepenuhnya mirip dan memiliki persamaan dengan watak dan keperibadian Arena Wati.

Halimah yang muncul sebagai seorang isteri tidak pula menjadi salinan fotokopi bagi Arena Wati baik secara fizikal mahupun keperibadiannya. Halimah muncul sebagai ikon sekunder dengan peranan melengkapi dan menyantuni kehidupan Arena Wati, walhal watak dan keperibadian Arena Wati telah terlebih dahulu dibentuk oleh Abd Biang. Berdasarkan analisis, dapat dirumuskan terdapat tiga ciri perwatakan Halimah yang mirip dan sama dengan perwatakan Arena Wati di dalam teks memoir *Enda Gulingku* iaitu sifat berani, berilmu dan prihatin. Secara ringkas, kemiripan keperibadian Arena Wati dengan keperibadian watak-watak ikoniknya dapat ditunjukkan dalam Jadual 2 dan Jadual 3.

Jadual 2. Kemiripan Keperibadian Arena Wati dengan Keperibadian Watak Abd Biang Berdasarkan Deskripsi Peranan Watak ikon Dalam Teks *Enda Gulingku* (1991)

IKON-IKON	KEPERIBADIAN	OBJEK
1. Abd Biang	Kemiripan atau persamaan	Arena Wati
Pelaut		Pelaut
Ilmu agama		Ilmu agama
Tegas		Tegas
Badan sasa		Badan sasa
Mahir ilmu pelayaran		Mahir ilmu pelayaran
Nahkoda kapal		Nahkoda kapal
Pemimpin Pelayaran		Pemimpin Pelayaran

Jadual 3. Kemiripan Keperibadian Arena Wati dengan Keperibadian Watak Halimah Berdasarkan Deskripsi Peranan Watak ikon Dalam Teks *Enda Gulingku* (1991)

IKON-IKON	KEPERIBADIAN	OBJEK
Halimah	Kemiripan atau persamaan	Arena Wati
Berani		Berani
Tinggi Pengorbanan		Teguh pada prinsip
Prihatin		Prihatin
Berilmu		Berilmu
Kakitangan Kerajaan (Guru)		Kakitangan Kerajaan (Pentadbir)
Informan kerja kewartawan dan penulisan Arena Wati		Sasterawan
		Wartawan
	Pensyarah Pelawat	

Dua ikon yang dideskripsikan peranannya dalam analisis ini dapat menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang teras pada hubungan anak dengan ayah, suami dengan isteri adalah dua teras utama yang menampakkan dengan jelas asas pembentukan keperibadian, perwatakan dan hala tuju kehidupan Arena Wati. Sedangkan dirinya sendiri menjadi sumber yang memperkukuhkan pembentukannya itu setelah dimatangkan oleh pengalaman beliau dalam bidang persuratan, kewartawanan dan perniagaan.

Memahami peranan Abd Biang dan Halimah yang dideskripsikan dan dianalisis tergambar rupa dan raut wajah, fizikal, ilmu, kemahiran, sikap dan prinsip hidup yang ada pada dirinya benar-benar memancarkan imej keperibadian yang sama pada diri dan perwatakan Arena Wati. Dalam hal ini, Abd Biang dan Halimah dapat dikatakan sebagai tanda ikon yang dirujuk dan kelihatan menyerupai ciri-ciri yang ada pada diri Arena Wati sepertimana yang dinukilkan dalam memoir *Enda Gulingku*. Deskripsi ini peranan dua orang watak yang dianalisis ini sejajar dengan idea semiotik Pierce tentang konsep tanda ikon iaitu sejenis tanda yang kepada hubungan antara tanda dan objeknya atau acuan yang bersifat kemiripan (Sobur, 2004).

RUMUSAN

Arena Wati tidak pernah bermimpi untuk menjadi penulis. Yang sering diimpikannya ialah untuk menjadi pelaut berjaya (*Wajah* 2005, 218). Namun, bagaimanakah Arena Wati boleh sampai ke tahap mencapai keunggulan dalam dunia persuratan Melayu? Bagaimanakah haluan cita-citanya berubah jauh daripada latar pengalaman dan tradisi leluhur Abdul Fatah dan Abd Biang? Selama hidup di Makasar, cita-cita Arena Wati sememangnya tercapai. Cita-citanya tercapai kerana peranan Abd Biang, Halimah dan peranan Arena Wati sendiri. Beliau berpeluang menjadi

nahkoda, mengunjungi pelbagai negara tempat berdagang dan menjadi ketua pelayaran yang dihormati.

Pengalaman hidup yang teradun dalam masam manis kehidupan bukan sahaja dinukil indah dalam 'Enda Gulingku', malah Arena Wati turut memuatkannya dalam beberapa buah novel seperti novel 'Warna Sukma Usia Muda' (2005) yang menceritakan sebahagian daripada pengalaman keluarganya menghadapi tekanan tentera Belanda seperti yang disebutkan oleh Norhayati Abdul Rahman (2016) bahawa Arena Wati dalam novel ini mengkisahkan Arena Wati sekeluarga menghadapi tekanan daripada pihak penjajah Belanda yang telah merampas segala harta benda milik keluarganya, termasuk barang-barang kebesaran keluarga dari rumah pusaka mereka.

Enda Gulingku menyingkap sejarah kehidupan seorang sasterawan besar Melayu yang hidup dan bergerak maju dengan peranan manusia lain di belakangnya, di samping kebolehan sendiri yang terbina daripada asuhan pengalaman yang memantapkan minda dan pemikiran. Sebagai seorang pengarang yang berjaya dan matang, Arena Wati sebenarnya memiliki pengalaman yang unik dan berhasil diterjemahkan secara jujur dan berkesan dalam sebuah karya yang besar, romantik dan secara tersirat Arena Wati mahu suara hatinya didengar oleh pembaca. Hal ini sejajar dengan dengan tanggapan Ghazali Din & A.Halim Ali (2020) yang menyatakan, seseorang pengarang kreatif memiliki pengalaman yang unik sehingga terciptanya sesebuah karya dan secara fitrah, setiap pengarang berkeinginan suara hatinya dibaca, dihayati dan didengari.

Enda Gulingku membuktikan bahawa kejayaan seseorang adalah kerana keupayaan ramai orang yang berperanan secara bersama mendorong potensi Arena Wati maju ke hadapan. Mengamati *Enda Gulingku*, pembaca ditemukan dengan peranan dua tokoh manusia iaitu Abd Biang dan Halimah sendiri sebagai ikon yang mengemudi haluan hidup dan membentuk keperibadian dan kerjaya Arena Wati.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, S. (2014). *Dashyatnya Kesusasteraan Memerihalkan Kehidupan*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Aziz, S. (2014). *Teori dan Kritikan Sastera*, (Edisi Kedua) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz, S. (2017). *Novel dan Puisi dalam Kritikan Sastera*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Ali, A. H. (2019). Proses Kreatif A. Samad Said dalam Penghasilan Karya Kreatif. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 3, 155 - 180. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1121>
- Ali, A. H. (2011). 'Proses Kreativiti A.Samad Said Berasaskan Teori Teksdealisme' *Jurnal Melayu*. UKM. (6) 2011, 153-168
- Ali, A. H. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 99-117. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1109>
- Ali, A. H.(2018). *Inti Sari Teori Sastera Barat dan Malaysia*. Shah Alam: NHA Excell Resources
- Crystal, D. (2008). *A dictionary of linguistics and phonetics*. (Sixth edition). United Kingdom: Blackwell.
- Din, G., & Ali, A. (2020). Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26 - 41. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/5>
- Eagelton, T. (1986). *Teori Kesusasteraan Inggeris* (Edisi Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://klikweb.dbp.my>. Dimuatturun pada 21 Mac 2019
- Kamus Dewan*. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohamad, A. (2015). Pengungkapan Keperibadian Secara Simbolik dalam Dua Novel Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6, 230 - 243. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1166>
- Mohd Ali, T.I.M. & Shahidan, M. (2009). *Semiotik Peirce*, Kuala Lumpur: Quest Ahead Sdn Bhd
- Mohd.Yakina, H.S. & Andreas Totu, A.. (2014). `The Semiotic Perspectives of Peirce and Saussure: A Brief Comparative Study`, *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 155, 4-8
- Niekerk, A. V.(2018). The Use Of Indexical Signs, Symbols And Icons In Print Advertising Communication. Retrieved From Journals.UFS.Ac.Za, Index. Php > Com. Article > Download, 20.3.2020 P.109-123. Doi.Org/10.18820/24150525
- Rahman, N.A. (2014). `Migrasi Dunia Melayu Dengan Induk Indonesia-Malaysia Dalam Karya Sasterawan Negara Arena Wati` *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* , Jilid 7 Bil. 2, 192-211
- Rahman, N.A. (2016), `Sejarah Hubungan Masyarakat Melayu dan Bugis Sebagai Asas Pembinaan Naratif dalam Novel Sasterawan Negara Arena Wati`, MANU, *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, Universiti Malaysia Sabah, Bil. 23, 61-83
- Sikana, M. (1996). *Teori Teksdealisme*. Bangi. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suliman, M.S. & Jaffar, S. (2015). `Penerbitan Karya Kesusasteraan Melayu Di Penerbit UKM`, *Jurnal Melayu*, UKM. Bil 14 (1), 17-31
- Sobur, A. (2003). *Semiotika Komunikasi*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Wajah Biografi Penulis. (2005). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wati, A. (1991). *Memoir Arena Wati Sasterawan Negara: Enda Gulingku*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wati. A.(1995). *Cerpen: Pengalaman dan Tanggapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wati. A.(2005). *Warna Sukma Usia Muda*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.